

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: 23 Jun 2021 21:37
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Huzaidy bin Hussain
Subject: BERITA HEPA : HEPA POST BIL.4 JUN 2021



23 JUN 2021 | 13 ZULKAEDAH 1442H

HEP ONLINE :

اَلْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Y.Brs. Prof/Dr./Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

HEPA POST BIL.4 JUN 2021



Jabatan Hal Ehwal Pelajar
STUDENT AFFAIRS DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

HEPA POST

UNGGUL, MESRA, DEDIKASI

BIL. 4 2021

JUN



BARISAN HADAPAN HEPA TERUS KOMITED

Barisan hadapan Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni (HEPA) Universiti Utara Malaysia (UUM) terus komited di dalam usaha membantu pihak pengurusan Universiti untuk menguruskan pelajar-pelajar UUM bersempena dengan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kampus UUM Sintok, Kedah mulai 13 hingga 26 Jun 2021.

Seramai 150 orang sukarelawan telah dilantik untuk menguruskan pelajar-pelajar yang berada di dalam kampus, di mana mereka adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tempatan dan antarabangsa yang berada di sini sejak pembukaan semester pertama 2020-2021 pada bulan September 2020 yang lalu.


Di antara tugas Barisan Hadapan ini adalah membuat persediaan bilik kuarantin, mengedarkan makanan kepada pelajar-pelajar di Blok-blok INASIS, menyalurkan urusan 'swab test' terhadap pelajar-pelajar dan sebagainya.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr. Hendrik Bin Lamsali, komitmen yang diberikan oleh Barisan Hadapan UUM semasa PKPD dilaksanakan di UUM ini amatlah menggalakkan.



Mereka adalah terdiri daripada barisan hadapan yang sedia ada dari Jabatan Keselamatan, Pusat Kesihatan Universiti, Sukarelawan HEPA dan lain-lain lagi amatlah menggalakkan. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas pengorbanan mereka dan mengharapkan supaya ada ramai lagi staf UUM yang lain untuk tampil ke hadapan mendaftar sebagai sukarelawan Barisan Hadapan.

SME TITANS MEGA SYMPOSIUM: GLOW AWAY! BUSINESS X SKINCARE



Program GlowAway Business anjuran Inapan Siswa (INASIS) SME Bank telah diadakan baru-baru ini melalui platform Facebook Inasis tersebut.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta-peserta berkaitan penjagaan kulit wajah dan perniagaan. Peserta-peserta telah diberi input-input untuk memulakan perniagaan berkaitan produk penjagaan kulit. Dalam erti kata yang lain, ia adalah bertujuan supaya peserta-peserta dapat mendalami ilmu pengetahuan tentang perniagaan di samping menjaga kecantikan kulit wajah mereka.

Dua orang panel jemputan telah dijemput untuk menjayakan program ini iaitu Dr. Nurul A'in bt Sa'ari iaitu pengasas ALLUSKIN Sdn Bhd. serta Dr. Felicia Soong @ Dr. Bunga dari Aesthetic Dermatologist yang juga Pengarah Urusan SQ-Infinity.

Seramai 139 orang pelajar dari INASIS SME Bank telah mendaftar sebagai peserta di dalam program ini. Rata-rata dalam kalangan mereka amat berpuas hati dengan kandungan ceramah daripada kedua-dua penceramah jemputan tersebut.

Menurut Pengarah Program, Nur Akillah Nabihah binti Noorhisam, program ini telah dapat memberikan manfaat kepada peserta-peserta untuk memulakan perniagaan yang berkaitan dengan kecantikan kulit wajah. Ramai dalam kalangan peserta-peserta ini yang mengharap supaya program ini akan dapat diteruskan lagi bagi siri yang seterusnya.

Ujar beliau lagi, peserta-peserta adalah diharapkan akan dapat mempraktikkan ilmu yang diberikan dan seterusnya dapat dijadikan bidang perniagaan ini sebagai pendapatan sampingan mereka apabila bergraduan nanti.

REAKSI BDR: EKSKLUSIF BERSAMA STAF JHEP

Adakah bekerja dari rumah (BDR) mengundang stres?, tekanan emosi?, mencabar minda? atau di sebaliknya?

Rata-rata umum menyadari bahwa sudah setahun lebih rakyat Malaysia melalui gaya hidup dan bekerja di dalam normal baharu kesan daripada pandemik Covid19.

Menariknya, staf Jabatan Hal Ehwal Pelajar terpenggil bagi berkongsi pengalaman bila BDR diimplementasikan

Menurut Pembantu Tadbir Pekerjaan (P/O) UUM Student Excellence and Leadership Center (UUMSELECT), Jamilah Ibrahim, "Banyak cabaran bekerja dari rumah kerana di samping kita menjalankan tugas-tugas pejabat, kita juga perlu menjalankan tugas-tugas lain di rumah. Skop kerja 2 in 1, BDR dan kerja di rumah seperti memasak, mengemas, membasuh dan sebagainya".

Beliau yang sudah bekerja selama tiga puluh empat tahun (34) di UUM menyifatkan pengalaman BDR memerlukan kesabaran dan komitmen yang tinggi supaya mendapat rezeki yang berkat.

"Nasihat saya kepada rakan-rakan dan pelajar, patuhi lah SOP untuk membanteras Covid 19", tambahnya lagi. Sementara itu, Pembantu Am Unit Pentadbiran, Ishak Md.Zain yang sudah dua puluh tahun (20) berkhidmat di UUM berkata,

"Biar apa pun situasi semasa yang dialami, sebagai pekerja, saya sentiasa berpandangan untuk cuba menjalankan tugas dengan cara yang terbaik dan mampu menyumbangkan perkhidmatan kepada majikan serta sentiasa peka dengan segala informasi, arahan dan cadangan yang dikeluarkan oleh pihak jabatan dari masa ke semasa"

Tambahnya lagi, "amat penting untuk kita sentiasa mengamalkan SOP yang diarahkan demi untuk perlindungan diri sendiri dan orang di sekeliling. Kita



perlu berpandangan positif kepada usaha kerajaan untuk pengambilan vaksin kerana inilah pilihan yang bijak dan terbaik untuk kita buat masa ini". Dalam pada itu, Penolong Pegawai Tadbir Pusat Penginapan Pelajar (SAC), Syazwani Abdul Rahman memberi reaksi beliau sepanjang BDR. Katanya,

"Pada mulanya agak susah untuk bekerja di rumah sebab agak kekok untuk berurusan dengan staf lain melalui telefon dan online. Tapi lama kelamaan, saya boleh mengatasinya dengan cara bekerja di rumah dan saya rasakan masa yang digunakan lebih fleksibel.

"Kepada staf yang BDR, patuhi lah SOP dan arahan universiti dari masa ke semasa", ujarnya. Walaupun beliau baru berkhidmat selama tiga (3) tahun di UUM, pesanan beliau kepada staf dan pelajar bagi mengekang penularan Covid19, "Sentiasa berada di rumah dan

pakai double face mask serta keluar rumah bila perlu sahaja". "Kepada pelajar, kekalkan diri berada dalam bilik penginapan. Tolong jangan keluar bersantai di bilik kawan-kawan. Sama-sama lah kita membanteras Covid-19".

Justeru, ketahanan mental dan fizikal amatlah penting di dalam menghadapi BDR di era Covid19. Kekal produktif dan kekal berdisiplin.

SAFE



RUANGAN IKLAN

The poster is a vibrant collage of e-sports related imagery. At the top center is the UUM (Universiti Utara Malaysia) logo. Below it, a large red and black stylized cat head logo is the central focus. To the left, there's a character from 'FIFA 21' and 'EA SPORTS'. To the right, a soldier from 'Call of Duty: Warzone' is depicted. Below the cat head, a banner reads 'KARNIVAL SUKAN E-SPORT STAF UUM 2021'. Further down, the text 'COMING SOON' is followed by the hashtags '#pounce to victory' and '#uumsportscentre'. The bottom of the poster features a row of accreditation logos including TOP 300, AACSB, EQUIS, AMBA, and others. The background is filled with various game characters and logos like 'ALL-DUTY MOBILE', 'FIFA 21', 'Rakuten', and 'MOBILE LEGENDS'.

UUM
Universiti Utara Malaysia

KARNIVAL SUKAN
E-SPORT
STAF UUM 2021

COMING SOON
#pounce to victory
#uumsportscentre



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.